



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 13 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	BILIK GERAKAN MAFI DIAKTIFKAN, BERITA RTM -ONLINE BANJIR: BILIK GERAKAN MAFI DI SELURUH NEGARA DIAKTIFKAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE MAFI AKTIFKAN BANTUAN KEPADA PETANI, PENTERNAK, NELAYAN TERJEJAS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE 256 PETANI TERJEJAS AKIBAT BANJIR – MAFI, KOSMO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5. 6. 7. 8.	NAFAS SASAR TINGKAT AHLI PELADANG MUDA, SEMASA, KOSMO AHAD -5 5,000 PENDUDUK TERIMA MANFAAT KARNIVAL JUALAN KELUARGA PELADANG, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -9 KARNIVAL JUALAN KELUARGA PELADANG MERIAH, NASIONAL, SH -7 SEKURITI MAKANAN JAGA KEBAIKIKAN RAKYAT, SETEMPAT, METRO AHAD -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
9.	KEBUN KOMUNITI JANA EKONOMI, NASIONAL, SH -33	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2022	BERITA RTM	ONLINE	

Bilik Gerakan MAFI diaktifkan



memantau, siap siaga selain turun padang meninjau keadaan golongan sasaran yang terjejas.

PUTRAJAYA, 13 November - Bilik Gerakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di seluruh negara telah diaktifkan bagi membantu mangsa banjir terutama golongan petani, penternak dan nelayan di negeri yang terjejas bencana itu.

Pihaknya melalui MAFI Inc. di negeri-negeri menggerakkan jabatan dan agensi untuk segera

“Ia bagi menilai kerosakan dan kerugian yang dialami serta segera menghulurkan bantuan kepada pihak terlibat. Bilik Gerakan Bencana Pusat juga digerakkan bagi persiapan berkaitan intervensi bantuan kepada komuniti agromakanan yang terjejas disebabkan bencana banjir,” kata MAFI dalam satu kenyataan.



(FOTO HIASAN/BERNAMA)

Menurut MAFI pihaknya juga sentiasa siap siaga untuk menyalurkan bantuan sejurus maklumat berkaitan diperolehi di lapangan.

Laporan awal kejadian bencana bagi sektor tanaman secara kumulatif hingga hari ini adalah seramai 256 petani dengan anggaran keluasan 374.81 hektar

kawasan terlibat membabitkan empat daerah di Pahang, masing-masing dua daerah di Kedah, Perak dan Selangor serta satu daerah di Johor.

“Tumpuan utama kini diberikan kepada pemantauan situasi secara harian oleh pasukan MAFI Inc. di setiap negeri dan daerah yang terkesan. Negeri lain diminta untuk siap siaga selain berkerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan pihak berkuasa tempatan bagi menghadapi situasi luar jangka,” menurut MAFI.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2022	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Banjir: Bilik Gerakan MAFI di seluruh negara diaktifkan



PUTRAJAYA: Bilik Gerakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di seluruh negara telah diaktifkan bagi membantu mangsa banjir terutama golongan petani, penternak dan nelayan di negeri yang terjejas bencana itu.

MAFI dalam kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya melalui MAFI Inc. di negeri-negeri menggerakkan jabatan dan agensi

untuk segera memantau, siap siaga selain turun padang meninjau keadaan golongan sasaran yang terjejas.

“Ia bagi menilai kerosakan dan kerugian yang dialami serta segera menghulurkan bantuan kepada pihak terlibat. Bilik Gerakan Bencana Pusat juga digerakkan bagi persiapan berkaitan intervensi bantuan kepada komuniti agromakanan yang terjejas disebabkan bencana banjir,” menurut kenyataan itu.

Menurut MAFI pihaknya juga sentiasa siap siaga untuk menyalurkan bantuan sejurus maklumat berkaitan diperolehi di lapangan.

Laporan awal kejadian bencana bagi sektor tanaman secara kumulatif hingga hari ini adalah seramai 256 petani dengan anggaran keluasan 374.81 hektar kawasan terlibat membabitkan empat daerah di Pahang, masing-masing dua daerah di Kedah, Perak dan Selangor serta satu daerah di Johor

“Tumpuan utama kini diberikan kepada pemantauan situasi secara harian oleh pasukan MAFI Inc. di setiap negeri dan daerah yang terkesan. Negeri lain diminta untuk siap siaga selain berkerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan pihak berkuasa tempatan bagi menghadapi situasi luar jangka,” menurut MAFI. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2022	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MAFI aktifkan bantuan kepada petani, penternak, nelayan terjejas



Anggota Bomba meninjau kawasan yang dinaiki air berikutan fenomena air laut pasang besar dan monsun timur laut yang mencecah paras 5.4 meter ketika tinjauan lensa Malaysia Gazette di sekitar Pengkalan Nelayan Tok Muda Kapar, Klang. Foto MOHD ADZLAN, 13 SEPTEMBER 2022.

KUALA LUMPUR – Bilik Gerakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seluruh negara telah diaktifkan bagi membantu mangsa banjir terutamanya golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas.

Laporan awal kejadian bencana bagi sektor tanaman semasa secara kumulatif sehingga hari ini adalah seramai 256 orang petani dengan anggaran keluasan 374.81 hektar kawasan pertanian terlibat.

Antara negeri yang terlibat adalah Pahang dengan empat daerah, manakala Kedah, Perak dan Selangor masing-masing dua daerah dan Johor satu daerah terlibat.

Melalui MAFI Inc. di negeri-negeri telah menggerakkan jabatan dan agensi untuk segera memantau dan bersiap-siaga selain turun padang meninjau keadaan terutamanya golongan sasaran MAFI bagi menilai kerosakan dan kerugian yang dialami, serta segera menghulurkan bantuan kepada pihak terlibat.

Bilik Gerakan Bencana Pusat juga telah digerakkan bagi persiapan mengenai intervensi bantuan kepada komuniti agromakanan yang terjejas disebabkan bencana banjir.

MAFI juga sentiasa bersiap-siaga untuk menyalurkan bantuan sejurus maklumat berkaitan diperolehi di lapangan oleh pegawai-pegawai MAFI Inc. yang turun padang bagi meninjau dan membantu mangsa, katanya dalam satu kenyataan.

Tumpuan utama kini diberikan kepada pemantauan situasi secara harian oleh pasukan MAFI Inc. di setiap negeri dan daerah yang terkesan, manakala negeri-negeri lain diminta untuk bersiap-siaga selain berkerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan pihak berkuasa tempatan bagi menghadapi situasi luar jangka.

Kementerian akan sentiasa memastikan kebajikan dan keselamatan mangsa terutamanya golongan sasaran MAFI diberi perhatian sepenuhnya dengan kerjasama erat daripada semua pihak terutamanya jabatan dan agensi negeri, selain memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa jua keadaan. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/11/2022	KOSMO	ONLINE	

256 petani terjejas akibat banjir – MAFI



PUTRAJAYA – Sekurang-kurangnya 256 petani dengan anggaran keluasan 374.81 hektar kawasan pertanian telah dikesan secara kumulatif terjejas akibat kejadian bencana banjir setakat hari ini.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) berkata, antara negeri yang terlibat adalah Pahang dengan empat daerah, masing-masing dua daerah di Kedah, Perak dan Selangor dan satu daerah di Johor.

“Tumpuan utama kini diberikan kepada pemantauan situasi secara harian oleh pasukan MAFI Inc. di setiap negeri dan daerah yang terkesan, manakala negeri-negeri lain diminta untuk bersiap-siaga.

“Negeri-negeri ini juga telah diminta untuk bekerjasama dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan pihak berkuasa tempatan bagi menghadapi situasi luar jangka,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jelas kenyataan itu, bilik gerakan MAFI di seluruh negara juga telah diaktifkan bagi membantu mangsa banjir terutamanya golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana tersebut.

“MAFI menerusi MAFI Inc. di negeri-negeri telah menggerakkan jabatan dan agensi untuk segera memantau dan bersiap-siaga selain turun padang meninjau keadaan terutamanya golongan sasaran MAFI bagi menilai kerosakan dan kerugian yang dialami, serta segera menghulurkan bantuan kepada pihak terlibat.

“Bilik Gerakan Bencana Pusat juga telah digerakkan bagi persiapan mengenai intervensi bantuan kepada komuniti agromakanan yang terjejas disebabkan bencana banjir,” katanya.

Tambahnya, pihak MAFI juga sentiasa bersiap-siaga untuk menyalurkan bantuan sejurus maklumat berkaitan diperolehi di lapangan oleh pegawai-pegawai MAFI Inc. yang turun padang bagi meninjau dan membantu mangsa.

“Kementerian akan sentiasa memastikan kebajikan dan keselamatan mangsa terutamanya golongan sasaran MAFI diberi perhatian sepenuhnya dengan kerjasama erat daripada semua pihak terutamanya jabatan dan agensi negeri, selain memastikan sekuriti makanan sentiasa terjamin dalam apa jua keadaan,” tegasnya. – KOSMO! ONLINE

Headline	Nafas sasar tingkat ahli Peladang Muda		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	13 Nov 2022	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	5	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	138 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,826
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,478



Nafas sasar tingkat ahli Peladang Muda

BERA – Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyasarkan peningkatan keahlian Peladang Muda sehingga 30 peratus atau 300,000 ahli dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengerusinya, Datuk Zamri Yaakob berkata, pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi menarik golongan muda menyertai sektor pertanian yang sememangnya menjanjikan pendapatan lumayan kepada pengusaha.

"Nafas akan berkolaborasi bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan pelaksanaan kepelbagaian program bagi menarik golongan muda ini bagi menyertai bidang pertanian sekali gus berdaftar sebagai ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Unit PPK di setiap kampung akan memainkan peranan untuk menarik masuk orang muda ini dalam PPK. Kursus dan seminar akan

didedahkan kepada mereka untuk memberikan motivasi supaya mereka berminat untuk menceburi bidang pertanian," katanya pada Karnival Jualan Keluarga Peladang sempena Karnival Anak Muda Geger Bera semalam.

Kira-kira 2,000 penduduk tempatan membanjiri Dataran Kerayong, di sini bagi mendapatkan produk bahan mentah seperti ayam, ikan, sayur, buah-buahan dan beras pada harga yang jauh lebih murah daripada harga pasaran.

Pada karnival itu juga, pelbagai pameran dan jualan dengan penglibatan jabatan dan agensi MAFI antaranya Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Agrobank dan penglibatan sama Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) serta PPK turut diadakan.

Headline	5,000 penduduk terima manfaat Karnival Jualan Keluarga Peladang		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	13 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Dim Negeri	Circulation	231,329
Page No	9	Readership	693,987
Language	Malay	ArticleSize	780 cm ²
Journalist	Mohamad Shofi Mat Isa	AdValue	RM 37,130
Frequency	Daily	PR Value	RM 111,390

5,000 penduduk terima manfaat Karnival Jualan Keluarga Peladang

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**
shofim@shafinews.com.my

BERA: Kira-kira 5,000 penduduk sekitar Parlimen Bera menerima manfaat menerusi Karnival Jualan Keluarga Peladang (Karnival Jualan Keluarga Peladang) yang dianjurkan Pertubuhan Peladang (Nafas) yang diadakan di Dataran Kerayong di sini, kelmarin.

Inisiatif NAFAS ini turut melibatkan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan antaranya Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Famas), Persatuan Nelayan Kelangsaan (Nekmat), Agrobank, Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasta) serta Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Bera.

Matlamat utama karnival tersebut bertujuan mengurangkan beban kos sara hidup rakyat dengan menaikkan harga barangan ketika ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob berkata, menerusi karnival yang bermula pukul 8.30 pagi hingga tengahari itu, NAFAS menyediakan ruang pameran serta pameran input pertanian dengan potongan harga yang menarik.

Bellau berkata, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat secara terperinci tentang bantuan dan elaun yang boleh disertai, menjadi ahli peladang.

"Kita mengadakan jualan produk perikanan peladang yang berbasaskan makanan antaranya ayam, beras, minyak masak serta input pertanian."

"Isimewanya jualan ayam diadakan dengan harga serendah RM8 bagi seekor ayam bantal pada waktu 'Happy Hour' di mana hanya terhad kepada 500 ekor sahaja."

"Selain itu, pada waktu biasa, seekor akan dijual pada harga RM10 terhad bagi 1,000 ekor sahaja," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Karnival Jualan Keluarga Peladang yang dirumputkan oleh Parlimen Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Dataran Kerayong di sini.

Mengulas lanjut, Zamri berkata, pada karnival ini, Nekmat menjual produk ikan si-gar beku Q-fish dengan tawaran harga yang cukup menarik. Jajanan terus daripada ladang oleh Fama dan Agrobank akan memikat kaunter



ISMAIL Sabri Yaakob (tengah) dan Pengerusi NAFAS, Zamri Yaakob bergambar bersama pengunjung yang hadir pada program Jualan Karnival Keluarga Peladang di Laman Kerayong, Bera, Pahang, semalam. - MINGGUAN/SHAIKH AHMAD RAZIF



ISMAIL Sabri Yaakob menunjukkan ayam yang dijual dengan harga RM8 seekor sempena program Jualan Karnival Keluarga Peladang di Bera, Pahang, semalam.

perkhidmatan.

"Khas bagi golongan belia, satu sesi perkongsian kejayaan bersama seorang usahawan belia yang berjaya dalam perniagaan riceburi mereka selama lima tahun yang menjana penempatan sehingga RM 1 juta setahun."

"Sesi perkongsian ini

diadakan bagi memberi inspirasi kepada golongan belia sekali gus menghasilkan pendapatan progresif dan berdaya saing," katanya.

Bellau berkata, usahawan itu adalah Atta Ahmad, 40, yang menceburi bidang perniagaan produk daging salai, patin

tempoyak dalam pek sejuk beku dan juga travel pack pada 2017 serta menjadi ahli Bera Best.

Dalam pada itu katanya, NAFAS memasukkan peningkatan keahlian Peladang Muda sehingga 30 peratus atau 300,000 ahli dalam tempoh dua tahun akan datang. Bellau berkata, pelbagai

inisiatif dilaksanakan pertubuhan itu bagi menarik golongan muda untuk menyertai sektor pertanian yang semestinya menjanjikan pendapatan lumayan kepada pengusaha.

"Kita (NAFAS) akan berkerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi melaksanakan pelbagai program bagi menarik golongan muda ini bagi menyertai bidang pertanian sekali gus berdaftar sebagai ahli PPK."

"Unit PPK di setiap kampung akan memainkan peranan untuk menarik masuk orang muda ini dalam PPK. Kursus dan seminar akan disediakan kepada mereka untuk memberikan motivasi supaya mereka berminat mencubai bidang pertanian," katanya.

Zamri berkata, selain latihan latihan berkaitan pemasaran, projek projek baharu juga boleh diketengahkan yang semestinya mendatangkan keuntungan kepada pengosaha atau ahli PPK muda ini.

"Tanaman betik dan 'rock melon' yang kita tahu mempunyai potensi untuk mendapat permintaan di pasaran. Jadi, kita akan fokus kepada tanaman ini untuk Peladang Muda," ujarnya.

Headline	Karnival Jualan Keluarga Peladang meriah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	7	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	792 cm ²
Journalist	Oleh ROSILAWATI ROSEDI	AdValue	RM 16,790
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,370

5,000 pengunjung
rebut peluang dapatkan
potongan harga murah

Oleh ROSILAWATI ROSEDI
BERA

Karnival Jualan Keluarga Peladang meriah

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menyasarkan peningkatan keahlian Peladang Muda sehingga 30 peratus dalam tempoh dua tahun akan datang.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) Nafas, Datuk Zamri Yaekob memberitahu, pelbagai inisiatif dilaksanakan Nafas bagi menarik golongan muda menyertai sektor pertanian yang menjanjikan pendapatan lumayan kepada pengusaha.

"Kita (Nafas) akan bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAF) melaksanakan pelbagai program bagi menarik golongan muda menyertai bidang pertanian sekali gus berdaftar sebagai ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Unit PPK di setiap kampung akan memainkan peranan untuk menarik masuk orang muda ke PPK. Kursus dan seminar akan disediakan kepada mereka untuk memberi motivasi supaya mereka berminat untuk menaburi bidang pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Karnival Jualan Keluarga Peladang di Dataran Kerayong di sini, pada Sabtu.

Beliau turut berkata, Unit PPK di setiap kampung akan memainkan peranan untuk menarik masuk orang muda ke PPK. Kursus dan seminar akan disediakan untuk memberi motivasi supaya mereka berminat menaburi bidang pertanian.

Ujarnya, selain latihan-latihan berkaitan pemasaran, projek-projek baharu juga boleh diketengahkan yang semestinya mendatangkan keuntungan kepada pengusaha atau ahli PPK muda.

"Sebagai contoh tanaman betik dan 'rock melon' yang kita tahu mempunyai potensi untuk mendapat permintaan di pasaran. Jadi, kita akan fokus kepada tanaman ini untuk Peladang Muda yang benar-benar berminat.

"Lagi pun, keahlian PPK kini 90 peratus adalah dalam kalangan mereka yang berusia 60 ke atas. Jadi, kita perlu ketengahkan anak-anak muda sebagai pelapis pada masa akan datang," ujar Zamri.



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) disambut meriah oleh pengunjung ketika hadir di Karnival Jualan Keluarga Peladang di Dataran Kerayong, Bera pada Sabtu.

Ayam paling laris

Sebanyak 500 ekor ayam yang dijual serendah RM8 seekor pada waktu istikrawa antara yang laris dan menjadi rebutan pengunjung sempena karnival tersebut.

Selain itu, sebanyak 1,000 ekor ayam pula dijual pada harga RM10 seekor yang turut diserbu pengunjung berikutan harga tersebut lebih rendah berbanding RM9.40 sekilogram di pasaran.

Pengunjung juga tidak melepaskan peluang mendapatkan beras yang dijual dengan harga RM6 pek lima kilogram dengan 1,000 kampak ditawarkan sempena karnival tersebut.

Itu antara tarikan sempena karnival anjuran Nafas yang dibanjiri kira-kira 5,000 pengunjung bermula jam 8 pagi hingga 1 tengah hari.

Turut ditawarkan buat pengunjung, pelbagai pameran dan jualan dengan penglibatan jabatan dan agensi di bawah MAFI antaranya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Agrobank dan penglibatan



FAZREEL



NORMARINI



ROHASNI

sama Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Paste) serta PPK.

Gerai pameran serta jualan input pertanian dengan potongan harga yang menarik turut disediakan selain orang ramai boleh mendapatkan pelbagai maklumat secara terperinci berkaitan bantuan dan pelepasan yang boleh disertai sekiranya menjadi Ahli Peladang.

Pengunjung juga berpeluang mendapatkan produk jenama Peladang yang berasaskan makanan, antaranya ayam,

beras, minyak masak serta input pertanian.

Sementara itu, pekerja swasta, Fazreel Ahmad Mazlan, 33, berkata penganjuran karnival sabegini amat membantu orang ramai mendapatkan harga keperluan dapur yang lebih rendah di pasaran.

"Bila dapat tahu ada karnival di sini, saya terus datang dan memang harga ayam khususnya amat berpatutan. Saya beli empat ekor ayam untuk keperluan keluarga," kata Fazreel.

Pembantu kantin sekolah, Rohasni Hassan, 37, menyifatkan penganjuran karnival tersebut amat dialu-alukan terutamanya bagi golongan B40 mendapatkan barangan dengan harga murah.

"Saya dapat tahu mengenai karnival ini daripada rakan-rakan dan sebaik tiba jam 9 pagi tadi terus beratur untuk membeli beras kerana harganya memang murah. RM6 untuk lima kilogram, rugi kalau tidak beli," tambah Rohasni.

Rakannya, Normarini Omar, 43, gembira kerana dapat membeli barangan keperluan yang ditawarkan di sepanjang karnival tersebut.

"Seronok dapat beli dengan harga murah, selain ayam, saya turut membeli makanan sejuk beku seperti nugat hari ini," ujarnya.



Beras yang dijual dengan harga RM6 sekampak bagi pek lima kilogram turut menjadi tumpuan pengunjung.



Harga ayam yang murah menjadi tumpuan pengunjung.

Headline	SEKURITI MAKANAN JAGA KEBAJIKAN RAKYAT		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	7	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	825 cm ²
Journalist	SURAYA ROSLAN	AdValue	RM 32,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 97,125

LANGKAH POSITIF KERAJAAN KURANGKAN TEKANAN KOS HIDUP

SEKURITI MAKANAN JAGA KEBAJIKAN RAKYAT

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@metro.com.my

Kuala Lumpur

Langkah kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk memperkukuhkan sekuriti bekalan makanan negara dilihat dapat mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama menjaga kebajikan rakyat serta memastikan daya tahan negara untuk menghadapi pelbagai cabaran global.

Ketu Ekonomi Buruh, Kementerian Sumber Manusia dan Emiratissasi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, isu peningkatan harga makanan yang melanda Malaysia pada ketika ini adalah isu bersifar global.

"Sebagai sebuah negara kecil yang terbuka dan berdagang, Malaysia tidak boleh mengelak daripada menerima kesan ke atas negara lain terutamanya negara yang menjadi pembekal utama kepada bahan mentah sektor pertanian dan industri makanan di Malaysia.

"Malaysia bergantung tinggi kepada import makanan dan juga bahan mentah seperti makanan ayam



Sekuriti makanan juga memerlukan kepada pelaburan berskala besar supaya kapasiti pengeluaran makanan negara dapat ditingkatkan"

Dr Mohd Yusof



KERAJAAN di bawah pimpinan Ismail Sabri menjalankan pelbagai strategi untuk mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama.

daripada negara luar.

"Negara pengeksport ini mengalami gongongan pengeluaran akibat daripada impak pandemik Covid-19, ketidakstabilan cuaca dan keadaan geopolitik," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, contohnya India yang menghadkan eksport gandum kerana faktor cuaca yang menghadkan pengeluaran gandum.

"Perang antara Rusia dan Ukraine semakin banyak memberi kesan langsung yang minoman kepada Malaysia namun peperangan ini memberi kesan langsung kepada negara yang berdagang dengan Malaysia seperti Eropah.

"Dan dengan keadaan ini, Malaysia juga terkesan secara langsung dan tidak langsung," katanya.

Katanya, kerajaan di bawah pimpinan Ismail Sabri menjalankan pelbagai strategi untuk mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama untuk menjaga kebajikan rakyat.

"Secara spesifiknya, pihak kerajaan merangka strategi jangka masa pendek antaranya ialah menyediakan pemberian subsidi langsung kepada pengeluar bagi



SUBSIDY minyak masak botol kepada pengeluar turun diberikan.

menstabilkan harga makanan di pasaran serta mengimbangi kos pengeluaran makanan.

"Sebagai contoh, harga ayam runcit di pasaran adalah pada RM9.40 sekilogram manakala harga minyak masak (botol) runcit pula pada RM7.10 sekilogram.

"Kerajaan juga masih memberi subsidi bahan api bagi mengawal inflasi makanan dan barangan lain dalam ekonomi. Perikara ini sudah daripada timbulnya trend peningkatan harga minyak mentah yang meningkat daripada AS\$84.1

setong (kira-kira RM390.39) pada Januari lalu hingga mencecah AS\$114.7 setong (kira-kira RM532.44) pada Jun," katanya.

Dr Mohd Yusof berkata, selepas sekian lama diperjuangkan oleh pakar, akhirnya strategi mengubah struktur pengeluaran sektor pertanian dan makanan di ambil kira oleh kerajaan.

"Strategi ini bersifat jangka panjang kerana ia memfokuskan masa yang lebih lama untuk melihat keberkesannya.

"Merujuk kepada dokumen Rancangan Malaysia

Ke-12 (RMKe-12), pihak kerajaan mengusulkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara, 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN 2021-2025).

"Pelan tindakan ini berjangka direalisasikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dengan menumpukan lima teras, iaitu strategi dan 96 inisiatif dalam memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis sekuriti makanan dan situasi luar jangka," katanya.

Menurutnya, selain itu, langkah kerajaan menghapuskan sistem permit import (API) yang akan memberi peluang lebih ramai pembekal untuk mengimport makanan dan bahan mentah.

"Ini akan menjadikan sektor pertanian dan makanan lebih kompetitif dan berdaya saing di masa depan.

"Kaedah ini akan mengurangkan kuasa monopoli ke atas pasaran yang seterusnya akan dapat menstabilkan harga di masa depan," katanya.

Katanya, satu inovasi baharu tadbir urus dilaksanakan pihak kerajaan bagi memastikan isu sekuriti makanan turut diteliti secara proaktif yang disasar pel-

bagai peringkat pentadbiran.

"Pembentukan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Pertanian Negeri dan Daerah dipersetujui bagi memastikan Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 dapat dilaksanakan sebaiknya bagi mencapai objektif yang disasarkan.

"Sekuriti makanan juga memerlukan kepada pelaburan berskala besar supaya kapasiti pengeluaran makanan negara dapat ditingkatkan. Malah strategi yang lebih ampuh diperlukan supaya negara terus mampu menjadi pengeksport makanan," katanya.

Menurutnya, strategi jangka pendek yang diambil kerajaan menunjukkan hasil dalam menstabilkan harga makanan.

"Subsidi secara langsung kepada produk makanan meruntuhkan hasil manakala subsidi ke atas bahan api yang secara tak langsung mengurangkan tekanan kos pengeluaran kepada industri turut menyumbang kepada kestabilan harga keseluruhan.

"Bagaimanapun, keberkesanan strategi jangka pendek turut dipengaruhi oleh beberapa faktor yang dipengaruhi persekitaran luaran seperti penurunan nilai ringgit serta gangguan pengeluaran di negara lain yang memberi impak rantaian perbekalan makanan global.

"Bagi strategi jangka panjang bertujuan untuk mengubah struktur pengeluaran makanan di sepanjang rantaian perbekalan. Strategi ini memakan masa untuk melihat keberkesanan-nya.

"Sebagai contoh, walaupun pemansuhan AP dilaksanakan, pengurusan pasaran akibat pelaksanaan AP yang begitu lama menjadi kesukaran kepada syarikat baharu untuk menembusi pasaran.

"Begitu juga langkah kerajaan pada Belanjawan 2023 yang lalu untuk memanfaatkan tanah milik Perda, Pelda dan Pleda untuk pengeluaran makanan akan memakan masa untuk dilihat keberkesanan-nya. Pelaksanaan inisiatif ini pada 2023 dijangka akan dapat dilihat hasilnya seawal 2024," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/11/2022	MY METRO	ONLINE	

Sekuriti makanan jaga kebajikan rakyat



KERAJAAN di bawah pimpinan Ismail Sabri menjalankan pelbagai strategi untuk mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama.

Kuala Lumpur: Langkah kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk memperkukuhkan sekuriti bekalan makanan negara dilihat dapat mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama menjaga

kebajikan rakyat serta memastikan daya tahan negara untuk mendepani pelbagai cabaran global.

Ketua Ekonomi Buruh, Kementerian Sumber Manusia dan Emiratisasi, Emiriah Arab Bersatu (UAE) Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari berkata, isu peningkatan harga makanan yang melanda Malaysia pada ketika ini adalah isu bersifat global.

"Sebagai sebuah negara kecil yang terbuka dan berdagang, Malaysia tidak boleh mengelak daripada menerima kesan ke atas gelagat negara lain terutamanya negara yang menjadi pembekal utama kepada bahan mentah sektor pertanian dan industri makanan di Malaysia.

"Malaysia bergantung tinggi kepada import makanan dan juga bahan mentah seperti makanan ayam daripada negara luar.

"Negara pengekspor ini mengalami gangguan pengeluaran akibat daripada impak pandemik Covid-19, ketidaktentuan cuaca dan keadaan geopolitik," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, contohnya India yang menghadkan eksport gandum kerana faktor cuaca yang menghadkan pengeluaran gandum.

"Peperangan antara Rusia dan Ukraine walaupun hanya memberi kesan langsung yang minimum kepada Malaysia namun peperangan ini memberi kesan langsung kepada negara yang berdagang dengan Malaysia seperti Eropah.

"Dan dengan keadaan ini, Malaysia juga terkesan secara langsung dan tidak langsung," katanya.

Katanya, kerajaan di bawah pimpinan Ismail Sabri menjalankan pelbagai strategi untuk mengurangkan tekanan kos hidup dan memastikan sekuriti makanan menjadi agenda utama untuk menjaga kebajikan rakyat.

"Secara spesifiknya, pihak kerajaan merangka strategi jangka masa pendek antaranya ialah menyediakan pemberian subsidi langsung kepada pengeluar bagi menstabilkan harga makanan di pasaran serta mengimbangi kos pengeluaran makanan.

"Sebagai contoh, harga ayam runcit di pasaran adalah pada RM9.40 sekilogram manakala harga minyak masak (botol) runcit pula pada RM7.10 sekilogram.

"Kerajaan juga masih memberi subsidi bahan api bagi mengawal inflasi makanan dan barangan lain dalam ekonomi. Perkara ini susulan daripada timbulnya trend peningkatan harga minyak mentah yang meningkat daripada AS\$84.1 setong (kira-kira RM390.39) pada Januari lalu hingga mencecah AS\$114.7 setong (kira-kira RM532.44) pada Jun," katanya.

Dr Mohd Yusof berkata, selepas sekian lama diperjuangkan oleh pakar, akhirnya strategi mengubah struktur pengeluaran sektor pertanian dan makanan diambil kira oleh kerajaan.

"Strategi ini bersifat jangka panjang kerana ia memakan masa yang lebih lama untuk melihat keberkesanannya.

"Merujuk kepada dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), pihak kerajaan mengusulkan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara, 2021-2025 (Pelan Tindakan DSMN 2021-2025).

"Pelan tindakan ini berjaya direalisasikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dengan menumpukan lima teras, 15 strategi dan 96 inisiatif dalam memastikan kesiapsiagaan negara dalam menghadapi krisis sekuriti makanan dan situasi luar jangka," katanya.

Menurutnya, selain itu, langkah kerajaan menghapuskan sistem permit import (AP) yang akan memberi peluang lebih ramai pembekal untuk mengimport makanan dan bahan mentah.

SUBSIDI minyak masak botol kepada pengeluar turut diberikan.

"Ini akan menjadikan sektor pertanian dan makanan lebih kompetitif dan berdaya saing di masa depan.

"Kaedah ini akan mengurangkan kuasa monopoli ke atas pasaran yang seterusnya akan dapat menstabilkan harga di masa depan," katanya.

Katanya, satu inovasi baharu tadbir urus dilaksanakan pihak kerajaan bagi memastikan isu sekuriti makanan turut diteliti secara proaktif yang didasari pelbagai peringkat pentadbiran.

"Penubuhan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Peringkat Negeri dan Daerah dipersetujui bagi memastikan Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 dapat dilaksanakan sebaiknya bagi mencapai objektif yang disasarkan.

"Sekuriti makanan juga memerlukan kepada pelaburan berskala besar supaya kapasiti pengeluaran makanan negara dapat ditingkatkan. Malah strategi yang lebih ampuh diperlukan supaya negara turut mampu menjadi pengeksport makanan," katanya.

Menurutnya, strategi jangka pendek yang diambil kerajaan menunjukkan hasil dalam menstabilkan harga makanan.

"Subsidi secara langsung kepada produk makanan menunjukkan hasil manakala subsidi ke atas bahan api yang secara tak langsung mengurangkan tekanan kos pengeluaran kepada industri turut menyokong kepada kestabilan harga keseluruhannya.

"Bagaimanapun, keberkesanan strategi jangka pendek turut dipengaruhi oleh beberapa faktor yang dipengaruhi persekitaran luaran seperti penurunan nilai ringgit serta gangguan pengeluaran di negara lain yang memberi impak rantaian perbekalan makanan global.

"Bagi strategi jangka panjang bertujuan untuk mengubah struktur pengeluaran makanan di sepanjang rantaian perbekalan. Strategi ini memakan masa untuk melihat keberkesanannya.

"Sebagai contoh, walaupun pemansuhan AP dilaksanakan, penguasaan pasaran akibat pelaksanaan AP yang begitu lama menjadi kesukaran kepada syarikat baharu untuk menembusi pasaran.

"Begitu juga langkah kerajaan pada Belanjawan 2023 yang lalu iaitu memanfaatkan tanah milik FELDA, FELCRA dan RISDA untuk pengeluaran makanan akan memakan masa untuk dilihat keberkesanannya. Pelaksanaan inisiatif ini pada 2023 dijangka akan dapat dilihat hasilnya seawal 2024," katanya.

Headline	Kebun komuniti jana ekonomi		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Nov 2022	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	780 cm ²
Journalist	Oleh IZWAN ROZLIN SHAH ALAM	AdValue	RM 16,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,608

Kebun komuniti jana ekonomi

Penduduk Labuan aktif laksanakan Program Pertanian Bandar Wilayah Persekutuan

Oleh IZWAN ROZLIN SHAH ALAM

Harga barangan makanan asas yang semakin meningkat menjadi satu bebanan buat rakyat Malaysia. Menyedari perkara ini, kerajaan mengambil inisiatif memperkenalkan pelbagai bantuan bagi meringankan beban rakyat yang terkesan akibat pandemik Covid-19 serta kenaikan harga barangan.

Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil langkah proaktif dengan mempergiatkan Program Pertanian Bandar Wilayah Persekutuan (PPBWP) secara menyeluruh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

PPBWP yang mula dilaksanakan pada tahun 2006 di bawah Program Mampun Sejahtera Wilayah Persekutuan (LA21), adalah program berasaskan komuniti (*community based*) dan menggunakan pendekatan pengupayaan komuniti (*empowering community*) bagi mengoptimalkan penggunaan tanah yang terhad, tanah terbiar, tanah rezab, tanah di bawah talian rentis, sekolah, institusi atau kebun-kebun komuniti sedia ada yang dinaik taraf dan ditambah nilai.

Program ini dilaksanakan secara *bottom-up* iaitu keperluan dan kehendak daripada komuniti, pelajar, persatuan (ia sendiri serta dibantu oleh agensi di bawah kementerian iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PP) dan Perbadanan Labuan (PL) dengan kerjasama agensi lain seperti Jabatan Pertanian Malaysia serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), universiti, pihak swasta serta badan bukan kerajaan (NGO).

Cendawan tiram kelabu Kampung Sungai Bedau

Kos tenemen yang rendah selain mendapat permintaan tinggi menjadikan cendawan tiram kelabu sebagai pilihan untuk ditanam secara komersial.

Faktor ini mendorong penduduk Kampung Sungai Bedau, Labuan mengusahakannya dan mampu menghasilkan sebanyak lapan hingga 10 kilogram cendawan sehari.

Ketua Kampung Sungai Bedau, Rosmaini Puteh berkata, tanah seluas 0.20 hektar digunakan untuk membina rumah cendawan yang memuatkan sekitar 7,000 bongkah dan setiap bongkah dijual dengan harga RM25 sekilogram.

"Cendawan tiram tidak akan tumbuh dengan jumlah yang besar dan cepat misainya satu bongkah hanya boleh ditali sebanyak lapan hingga 10 kali sahaja. Selepas itu, kami akan cucuknya semula untuk hasilkan yang baru. Ia juga boleh tahan selama tiga hari sahaja," katanya kepada *Sinar Harian*.

Rosmaini berkata, hasilnya dipasarkan bukan sahaja kepada penduduk kampung, malah di kawasan perumahan berdekatan iaitu Taman Muliera di sini. Malah pada 29 Ogos hingga 6 September lalu, perusahaan cendawannya berpeluang terlibat dengan Community Garden Bazaar sempena Festival Floria DiRaja Putrajaya 2022 anjuran Perbadanan Putrajaya di Putrajaya.

Rosmaini turut berbesar hati apabila pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui PL menyumbangkan sebanyak 1,428 bongkah.

"Untuk menghasilkan lebih banyak cendawan, kami memerlukan lebih banyak bongkah dan ruang untuk menanamnya. Alhamdulillah, sekarang kami memiliki lebih 4,000 bongkah," ujarnya yang mendapatkan bekalan di Kota Kinabalu.

Selain cendawan, mereka turut mengusahakan tanaman kangkung, pucuk manis, kacang panjang, kacang bendi, kunyit, serai, cili padi dan cili merah.

Madu kelulut Kampung Layang-Layangan

Madu kelulut jenama 'Rimbun' dari Kampung Layang-Layangan, Labuan men-



Komuniti Kampung Layang-Layangan memberi penerangan kepada pelancong mengenai sarang lebah kelulut.

dapat sambutan yang menggalakkan sejak diusahakan pada 2014.

Timbalan Pengerusi Kebun Komuniti Kampung Layang-Layangan, Abas Khalidin berkata, beliau dan keluarganya sepakat mengusahakan madu lebah kelulut selepas menerima pembiayaan permulaan daripada Jabatan Pertanian Malaysia.

"Madu kelulut ini dibotolkan dalam kuantiti 100 gram, 200 gram dan 330 gram, dijual pada harga RM25 hingga RM80. Kami menjualnya secara dalam talian dan mendapat sambutan hingga ke Brunei, China dan Hong Kong.

"Malah madu kelulut kami juga berpeluang terlibat dengan Community Garden Bazaar sempena Festival Floria DiRaja Putrajaya 2022 anjuran Perbadanan Putrajaya di Putrajaya pada 29 Ogos 2022 hingga 6 September 2022," katanya.

Kebun Komuniti Kampung Layang-Layangan pernah menjadi johan peringkat negeri Anugerah Desa Perdana 2017.

KRT Kampung Sungai Miri usahakan jagung manis

Tanaman jagung manis yang diusahakan oleh Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Sungai Miri, Labuan sejak tahun 2016 mendapat sambutan penduduk se-

kitar.

Bantuan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Labuan dan Jabatan Pertanian Malaysia itu turut mendorong 15 ahli KRT kampung berkenaan bergotong-royong mengusahakan kebun sayur-sayuran.

Pengerusi KRT Kampung Sungai Miri/Pagar, Hasibah Wan Imang berkata, kebun di atas tanah seluas satu ekar itu turut meliputi tanaman sayuran seperti kangkung, timun, kacang panjang dan terung.

Menurutnya, kewujudan kebun tersebut secara tidak langsung membolehkan ahlinya menambah sumber pendapatan.

"Kami menjual hasil kebun kepada orang kampung dan kedudukannya di tepi jalan memudahkan orang ramai mendapatkannya setiap hari.

"Kami memerlukan sebuah stor untuk menyimpan peralatan dan kawasan kebun juga perlu dipagarkan bagi mengelak kebun diserang anjing liar," katanya.

KRT Sungai Miri juga pernah menerima tempat kedua Anugerah Perdana KRT 2018 (kategori ekonomi) selepas aktif menguruskan kebun berkenaan.



Rosmaini menjual cendawan tiram kelabu kepada pelanggan tetapnya.



Program menghasilkan baja KRT Kampung Sungai Miri bersama Universiti Putra Malaysia (UPM).